



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN *EHS WEEK* ANJURAN
AMPHENOL TCS (M) SDN BHD

TARIKH / MASA / TEMPAT
14 DISEMBER 2020 (ISNIN)
3.00 PETANG

AMPHENOL TCS (MALAYSIA) SDN. BHD.
KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK
SIMPANG AMPAT

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li

Regional General Manager of Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Pihak Pengurusan

Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Kakitangan-Kakitangan / Pekerja-Pekerja

Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Perasmian Amphenol TCS EHS Week 2020, anjuran pengurusan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li, *Regional General Manager of Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd.* dan pihak pengurusan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan majlis ini.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Saya difahamkan pihak pengurusan Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. menganjurkan Program *Amphenol TCS EHS Week* pada 14 Disember 2020 sehingga 16 Disember 2020. Ini merupakan satu acara tahunan bagi

Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. Di mana sepanjang program yang diadakan mulai hari ini, melibatkan pelbagai aktiviti yang dirancang merangkumi elemen berkaitan “*Environment, Health and Safety*” di tempat kerja.

Dalam program minggu EHS ini, setiap pekerja akan disuntik dengan Vaksin Influenza secara percuma untuk meningkatkan imunisasi badan dan melindungi pekerja dari wabak penyakit lain yang serupa. Selain itu, Program *Health Screening* juga akan dilaksanakan untuk menentukan tahap kolestrol, gula dalam darah dan tekanan darah tinggi serta BMI setiap pekerja.

Satu sesi pembelajaran juga akan diadakan berhubung Pengasingan Sisa Sampah kepada pekerja dan juga Quiz melalui QR Code di mana soalan-soalan adalah merangkumi elements E – *Environmental*, H - *Health*, S - *Safety* dan soalan berkenaan dengan COVID-19.

Satu program yang menarik perhatian saya adalah pemilihan Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. Pulau Pinang oleh *Headquarters* sebagai salah satu syarikat untuk membuat perancangan percubaan bagi teknologi baru di Asia iaitu *Wearable Technology Against Covid-19* yang dinamakan “*Wrist Band Wireless Social Distancing Device*” Alat ini membantu

mengurangkan risiko sebelum dijangkiti (*social distancing*) dan selepas dijangkiti (*contact tracing*) dan bertujuan melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja sewaktu melaksanakan kerja di tapak.

Saya mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada jawatankuasa penganjur kerana bertungkus lumus menganjurkan program ini yang memberi fokus kepada EHS iaitu *Environment, Health* dan *Safety*. Program ini amat bermakna kerana pendedahan yang diberikan kepada pekerja berhubung pemeliharaan alam sekitar, kebersihan, penjagaan keselamatan dan penjagaan kesihatan diri.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Saya juga amat berbangga dengan penglibatan Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dalam isu-isu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di luar daripada kawasan bekerja dan berkerjasama dengan MBSP serta masyarakat setempat. Syarikat ini telah menjalin kerjasama yang erat dengan MBSP sejak 2016 lagi dalam melaksanakan pelbagai program yang memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada

rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai. Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

Syarikat ini telah menjadikan Sungai Junjung Mati sebagai anak angkat bagi rawatan air sungai. Pekerja-pekerja Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dan pelajar SMK Taman Perwira telah berkerjasama menghasilkan bebola tanah bagi rawatan air sungai. Selain daripada itu, Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. juga menyumbang tenaga bagi khidmat komuniti dan mengamalkan pengasingan sisa organik bagi tujuan pengkomposan serta tidak menggunakan straw di kantin. Ini merupakan satu teladan yang baik bagi industri yang lain. Saya berharap kerjasama ini akan berterusan dan saya juga menyeru agar lebih banyak industri tampil ke hadapan untuk bersama-sama bekerjasama dengan MBSP dalam menjayakan pelbagai program-program.

Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat Seberang Perai melalui *institutional reform*, ekonomi sirkular (*circular economy*) dan ekonomi digital (*digital economy*) supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya serta menyelesaikan masalah yang mereka hadapi, terutamanya semasa Pandemik COVID-19 yang melanda negara kita ketika ini.

Apabila Seberang Perai dinaik taraf menjadi bandar raya, MBSP telah terus melaksanakan pelbagai perubahan di mana proses dan mekanisme kerja yang lapuk, tidak efisien dan terdapat permasalahan serta birokrasi ditambahbaik dan dihapuskan dengan menggunakan kreativiti dan inovasi selari dengan Industry 4.0. MBSP berusaha untuk menambah baik cara kerja sedia ada dengan menggunakan teknologi bagi merealisasikan aspirasi bandar masa hadapan iaitu *Smart Sustainable City* yang selaras dengan wawasan Penang2030 iaitu “*A Family Focused Green and Smart State That Inspires the Nation*” (Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara).

Di samping itu, dalam meneruskan agenda transformasi digital Negeri Pulau Pinang, MBSP juga telah mengambil langkah proaktif bermula dengan inisiatif pembayaran tanpa tunai, diikuti kerjasama pintar eWallet Boost@ MBSP yang akan dilancarkan baru-baru ini, yang merupakan *integrated eWallet* yang pertama di Malaysia. Perkhidmatan eWallet, Boost@MBSP, menawarkan pembayaran bil-bil MBSP menggunakan eWallet Boost. Menerusi kerjasama ini, warga Seberang Perai kini boleh membayar cukai taksiran, kompaun letak kereta dan sewa gerai kepada MBSP dengan mudah dan selamat hanya dengan tiga (3) langkah. Saya yakin agenda transformasi amat relevant dalam memutuskan rantai Pandemik COVID-19, memandangkan pembayaran tanpa tunai lebih mudah dan lebih selamat.

MBSP telah membangunkan MBSPPay yang dipaparkan di *cyber counter* sebagai *payment gateway* dan *one stop payment centre* di mana pengguna boleh melakukan pelbagai jenis pembayaran bil-bil MBSP secara atas talian seperti cukai taksiran, sewaan gerai / tapak, kompaun letak kenderaan, kompaun halangan, kompaun pelesenan, kompaun bangunan, kompaun perbandaran, kompaun kesihatan dan kompaun veterinar dengan hanya satu transaksi sahaja. Pembayaran dibuat melalui penggunaan kad kredit dan kad debit; e-Pembayaran melalui FPX/Kad Kredit; QR Bill bagi tujuan imbas dan bayar. Tujuan pembangunan MBSPPay ianya dapat

mengurangkan kebergantungan dan kesesakan di kaunter MBSP. MBSPPay dapat menjimatkan masa dan boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

Sempena Promosi Bayar Cukai dan Menang; Cukai Taksiran MBSP Tahun 2021, MBSP telah khususkan promosi ini untuk pembayaran melalui kiosk, agensi atau secara talian (*online*) sahaja. MBSP menawarkan wang tunai sehingga RM10,000 kepada pemenang cabutan bertuah dan sebanyak 40 hadiah yang amat lumayan. Tiada hadiah disediakan untuk pembayaran di kaunter MBSP bagi promosi kali ini. Langkah ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat yang disediakan kepada orang awam dalam membuat urusan pembayaran cukai taksiran secara dalam talian. Inisiatif ini selari dengan normal baharu dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan kesan penularan COVID-19.

Rakyat Seberang Perai memainkan peranan penting dalam membayar cukai sebagai satu tanggungjawab kenegaraan dan hasil cukai pula akan digunakan oleh MBSP, yang mana ia akan dikembalikan kepada rakyat Seberang Perai melalui pembangunan bandar, kerja-kerja

pembersihan, penyelenggaraan jaringan jalan raya, penambahbaikan kemudahan awam dan banyak lagi.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Pada 19 September 2020, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* dilancarkan dan telah menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) di Seberang Perai dapat diubah daripada *Linear Model* kepada *Circular Model*. *Linear Model* menggunakan bahan mentah yang dijadikan sebagai produk dan seterusnya dilupuskan apabila selesai digunakan. *Linear Model* mengamalkan prinsip “*take-make-use-dispose*” di mana akhirnya akan memberikan tekanan kepada pelupusan akhir (*end disposal*). Selain itu, *Linear Model* juga menggunakan bahan mentah secara tidak terhad di mana akhirnya akan berlakunya kekurangan sumber dan mengakibatkan peningkatan pada kos barangan yang dijual.

Circular Model pula berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya pada tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular*

Model menumpukan untuk *Closing the Loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*resource efficient*) dalam memaksimumkan penghasilan produk. *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* ini mempunyai lapan (8) Bidang Keberhasilan Utama atau KRA iaitu:-

- i. Tapak Pelupusan
- ii. Industri Kitar Semula
- iii. Sisa Makanan
- iv. Plastik sekali guna
- v. Sisa Binaan
- vi. Sisa Elektronik
- vii. Tenaga boleh Diperbaharui
- viii. Pengurusan Air dan Air Kumbahan

Setiap Bidang Keberhasilan utama ini telah ditetapkan KPI yang perlu dicapai mengikut tahun. Pada Tahun 2022, disasarkan 70% kadar kitar semula, 5% penggunaan Tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan pusat pemprosesan sisa binaan dan mewujudkan Dasar *Extended Producer Responsibility (EPR)* di Seberang Perai.

Pada tahun 2025 pula, disasarkan 75% kadar kitar semula, 50% pelencongan sisa makanan, 40% pengurangan kebergantungan kepada tapak pelupusan, 20% penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pelaksanaan Dasar *Extended Producer Responsibility (EPR)* di Seberang Perai.

Manakala pada tahun 2030 pula, disasarkan 80% kadar kitar semula, 90% pelencongan sisa makanan, 30% Penggunaan tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan *system waste to energy* dan mencapai status Bandaraya Sisa Sifar (*Zero Waste City*).

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Circular Economy akan menjadi penyumbang kepada pertumbuhan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) ekonomi Pulau Pinang kerana ia tidak mudah terkesan kepada ancaman ekonomi (semasa COVID-19) selain berbentuk pertanian dan penyediaan makanan. Sektor makanan serta sektor pertanian tidak mudah terkesan oleh ancaman ekonomi yang lain, dan sebab itu, kita (MBSP) menghala kepada ekonomi mampan dengan menjadikan *circular econmy* sebagai penyumbang ekonomi mampan.

Tindakan lanjut dalam melaksanakan *Circular Economy* adalah *rebranding* dalam Sistem Pengurusan Sisa Pepejal yang dinamakan *Prudent Solid Waste Management*. Pengusaha-pengusaha industri telah diminta untuk memaklumkan jumlah sisa yang dihasilkan, jenis sisa yang dihasilkan dan kontraktor yang ditugaskan untuk mengangkut keluar sisa-sisa tersebut untuk pelupusan, supaya MBSP dapat merangkakan tindakan-tindakan untuk pengurangan sampah serta pengawalan dan penghapusan pembuangan sampah secara haram (illegal dumping).

Saya amat berharap semua industri di Seberang Perai, terutamanya Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dapat memberikan komitmen dalam menyumbangkan tenaga, sumber dan idea serta bersama-sama MBSP menyahut cabaran dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati
Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Program EHS Week Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Lee Teong Li, dan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd. atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti Bersama MBSP. Selamat meraikan Minggu *Environment, Health and Safety* (EHS) dan saya mendoakan kejayaan kepada semua.

Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus

berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa Smart Partnership, saya yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* pada tahun 2022 adalah sukar. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon. MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*